

HUBUNGAN ANTARA PERSEKITARAN PRASARANA BAHASA ARAB DENGAN TAHAP KOMUNIKASI BAHASA ARAB PELAJAR

Nurul Iman Ridzuan & Harun Baharudin
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Persekitaran pembelajaran yang sesuai lagi kondusif memainkan peranan penting dalam penguasaan bahasa Arab pelajar. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan antara persekitaran prasarana bahasa Arab dengan tahap komunikasi bahasa Arab. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif berbentuk tinjauan. Data diperoleh dengan mengedarkan instrumen soal selidik kepada 85 orang pelajar tingkatan empat di 4 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) negeri Perak yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dalam pembelajaran bahasa Arab. Kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dua bentuk iaitu analisis deskriptif statistik dan statistik inferensi menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 26. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara persekitaran prasarana bahasa Arab dengan tahap komunikasi bahasa arab pelajar. Ini menunjukkan bahawa persekitaran prasarana sangat penting serta memberi kesan terhadap komunikasi bahasa Arab pelajar.

Kata Kunci: persekitaran prasarana, komunikasi bahasa Arab, KBD, SABK.

1.0 PENDAHULUAN

Persekitaran bahasa merupakan satu unsur yang dapat mendorong dan menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran kerana persekitaran bahasa merangkumi bilik darjah, kandungan pembelajaran, peralatan dan kemudahan serta pegajaran guru melalui aktiviti di dalam kelas (Brown, 1994) malah melibatkan suasana di luar kelas (Kamarulzaman et al., 2018). Oleh itu, persekitaran pembelajaran perlu diwujudkan semasa pengajaran dan pembelajaran, di persekitaran sekolah atau tempat belajar, di persekitaran sosial tempat belajar dan semasa aktiviti ko-kurikulum (Moh Ismail Mustari et al. 2012). Dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa Arab pelajar, prasarana yang sesuai menjadi keperluan bagi setiap sekolah.

Disamping itu, persekitaran pembelajaran yang sesuai lagi kondusif memainkan peranan penting dalam penguasaan bahasa Arab pelajar (Che Zaid et al. 2019). Keberkesanan dalam sesuatu pengajaran bergantung kepada keberkesanan komunikasi yang dilaksanakan. Penguasaan bahasa Arab adalah sangat penting kerana aspek penguasaan bahasa Arab adalah petunjuk penting kepada kejayaan pelajar (Yusri et. al., 2012). Memandangkan bahasa Arab bukanlah bahasa komunikasi serta penggunaannya tidak meluas sebagaimana bahasa Inggeris, justeru satu ekosistem berbahasa Arab yang kondusif perlu diwujudkan di sekolah.

Namun begitu, punca yang membawa kepada kemerosotan bahasa adalah persekitaran yang membawa impak negatif dalam memupuk pelajar yang berkemahiran dalam menuturkan bahasa Arab (Che Zaid et al. 2019). Ianya dapat dibuktikan melalui kajian Kamarulzaman et al. (2018) yang menggambarkan persekitaran bahasa Arab di sekolah menengah agama kurang memberangsangkan. Selain itu, persekitaran pembelajaran kefahaman bacaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Bahasa Arab j-QAF sekolah rendah juga berada pada tahap sederhana

(Wan Sakiah et al. 2015). Justeru, hal ini menunjukkan semua pihak perlu bekerjasama dalam memastikan persekitaran pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang baik.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Teori Dunkin dan Biddle (1974) menekankan peranan persekitaran dalam pembelajaran dalam model pengajaran dan pembelajaran yang dikembangkannya. Persekitaran pembelajaran mempengaruhi tingkah laku pelajar di dalam kelas, yang seterusnya mempengaruhi prestasi mereka dalam sesuatu subjek (Dunkin dan Biddle 1974). Selain itu, Model Sim turut menitikberatkan elemen persekitaran dalam menjayakan komunikasi dua hala melibatkan guru dan pelajar.

Pada masa yang sama, Abdul Raof (1998) menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran pelajar sangat penting untuk pembelajaran pelajar yang berkesan. Oleh itu, pemimpin dan pentadbir sekolah mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk pelajar (Bowring-Carr dan West-Burnham, 1999).

Isu pembelajaran bahasa Arab dibelenggu dengan masalah persekitaran pembelajaran yang tidak menyeluruh dan latar belakang budaya yang berbeza (Mohammad Rusdi Ab Majid & Zawawi Ismail, 2017). Persekitaran pembelajaran bukan bahasa ibunda terhad semasa sesi pembelajaran di dalam kelas sahaja (Ng Xue Jing & Wan Muna Ruzanna, 2019) berbanding dengan bahasa pertama. Sementara itu, persekitaran pembelajaran kefahaman bacaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Bahasa Arab j-QAF sekolah rendah berada pada tahap sederhana (Wan Sakiah et al, 2015). Selain itu, hasil dapatan tinjauan kajian menggambarkan persekitaran bahasa Arab di sekolah menengah agama yang menggunakan KBD sebagai kurikulum kurang memberangsangkan (Kamarulzaman et al, 2018).


Selain itu, kebanyakan pelajar tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi dalam menuturkan bahasa Arab (Islam Husin et. al, 2013). Puncanya adalah mereka bimbang dalam melakukan kesalahan semasa berkomunikasi dalam bahasa Arab. Dibuktikan dalam kajian (Mansor Daud & Kamarudin Kamel, 2003) yang mendapati 97.5% pelajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu berbanding bahasa Arab. Pelajar juga dikatakan lemah dalam menguasai bahasa Arab dan tidak mampu memahami subjek-subjek dalam bahasa Arab dengan baik tanpa bantuan guru.

Di samping itu, mereka juga tidak mampu menggunakan Bahasa Arab dengan baik dalam komunikasi dan penulisan sedangkan mereka telah pun mempelajari Bahasa Arab sejak dari tingkatan 1 di sekolah menengah agama (Rosni Samah, 2007). Akibat daripada penguasaan bahasa yang lemah, peluang pelajar bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi semakin berkurang (Abd Aziz et al., 2006).

Dapatan-dapatan kajian memperlihatkan trend permasalahan yang berterusan. Kajian lepas berkaitan persekitaran dalam pembelajaran pelajar (Wan Sakiah et al 2015; Kamarulzaman et al. 2018; Che Zaid et al. 2019) menjadi jurang yang menjurus kepada kajian ini dilaksanakan. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih khusus berkaitan isu persekitaran bahasa dalam pelaksanaan KBD pada peringkat negeri, satu tinjauan perlu dilakukan. Kajian ini menfokuskan kepada persekitaran bahasa dan komunikasi pelajar di SABK yang menggunakan Kurikulum Dini.

Kerangka konsep kajian ini berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang didasari oleh Model Sim. Berikut merupakan kerangka konseptual yang dicadangkan:

Rajah 1: Kerangka Konseptual



Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang terdiri daripada dua aspek iaitu pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas bagi kajian ini adalah prasarana bahasa Arab di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di Negeri Perak yang terkandung empat aspek iaitu infrastruktur sekolah, bahan bantu mengajar, hal ehwal murid dan teknologi maklumat. Manakala pembolehubah bersandar ialah komunikasi bahasa Arab yang mengandungi dua aspek iaitu di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah. Dalam kerangka konseptual ini, kajian ingin menjelaskan tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat hubungan persepsi pelajar terhadap prasarana bahasa Arab dengan kekerapan pelajar dalam komunikasi bahasa Arab.

Kajian ini bertujuan bagi mengenalpasti tahap persekitaran bahasa Arab dari aspek prasarana dan komunikasi bahasa Arab di SABK negeri Perak. Terdapat beberapa objektif yang menjawab persoalan kajian iaitu mengenalpasti prasarana bahasa Arab di SABK negeri Perak. Kedua, mengenalpasti kekerapan pelajar dalam komunikasi bahasa Arab dan yang terakhir adalah mengenalpasti hubungan antara prasarana bahasa Arab di SABK negeri Perak dengan kekerapan pelajar dalam komunikasi bahasa Arab.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar di SABK negeri Perak. Kaedah tinjauan mampu mengukur pendapat, sikap, kepercayaan, nilai dan tingkah laku serta dapat digeneralisasikan dari sampel kepada populasi (Creswell, 2005). Kajian tinjauan juga merupakan kajian yang sering dijalankan secara meluas dalam penyelidikan pendidikan (Jamil Ahmad, 2002).

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) sebagai kurikulum di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) negeri Perak. Populasi kajian dipilih berdasarkan persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran bahasa Arab di SABK negeri Perak. Isu pembelajaran bahasa Arab dibelenggu dengan masalah persekitaran pembelajaran yang tidak menyeluruh di SABK (Rusdi dan Zawawi, 2017). Seperti yang dicadangkan oleh Kreijcie dan Morgan (1970), teknik

penentuan saiz sampel yang digunakan hanya memerlukan minimum saiz sampel iaitu 85 orang pelajar bagi jumlah populasi (N=110).

Persampelan kajian memainkan peranan yang penting dalam memastikan bilangan data yang diperolehi daripada soal selidik dapat dianalisis dengan tepat bagi mencapai objektif kajian yang ditetapkan (Krejcie dan Morgan, 1970). Oleh itu, kaedah sampel rawak berstrata telah digunakan dalam kajian ini apabila responden yang dikaji bersifat seragam. Strata yang dipilih dalam kajian ini adalah pelajar tingkatan empat daripada empat buah sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) daripada tiga buah daerah di negeri Perak. Pemilihan responden adalah berdasarkan gabungan jantina daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Bagi kajian yang memerlukan maklum balas responden, borang soal selidik amat sesuai digunakan sebagai instrumen kajian yang mempunyai jumlah responden yang besar (Chua, 2006; Fowler, 2002). Soal selidik merupakan instrumen yang paling popular dan digunakan secara meluas dalam penyelidikan kuantitatif bidang sains sosial seperti pendidikan (Yusri, 2017). Soal selidik telah diadaptasi daripada kajian Kamarulzaman et al (2018). Terdapat dua aspek yang terkandung dalam setiap soal selidik ini, iaitu prasarana bahasa Arab (15 item) dan komunikasi bahasa Arab (12 item). Skala Likert digunakan bagi mengenalpasti persetujuan responden. Justeru itu, bagi aspek prasarana adalah 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4=Setuju (S), dan 5=Sangat Setuju (SS). Manakala bagi aspek komunikasi pula adalah 1=Tidak Pernah (TP), 2=Jarang-jarang (JJ), 3=Kadang-kadang (KK), 4=Kerap (K), dan 5= Sangat Kerap (SK). Pemilihan penggunaan borang soal selidik digunakan dalam kajian ini bagi meninjau mendapatkan maklumat data yang berkesan (Kerlinger, 1973) serta meminimumkan penggunaan masa ketika mengumpul data (Chua, 2006; Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016)

Tujuan kesahan dan kebolehpercayaan dijalankan dalam sesebuah kajian adalah bagi menjelaskan serta menghuraikan kesesuaian antara setiap item yang diurus dapat diaplikasikan ketika kajian sebenar dilaksanakan (Noraini Idris, 2013). Soal selidik ini telah dilakukan kesahan kandungan oleh beberapa orang pakar bidang. Kajian rintis terdiri daripada 30 orang pelajar yang menepati ciri-ciri sampel kajian sebenar (Isaac, S. & Michael, 1995). Bilangan sampel bagi kajian rintis juga melebihi 20 orang (McMillan & Schumacher, 2006). Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi konstruk prasarana bahasa Arab 0.763 dan konstruk komunikasi bahasa Arab 0.773 (Cohen & Manion 1984).

Data-data ini diproses dengan menggunakan perisian statistik SPSS (Statistical Package For Social Sciences) versi 26. Data kajian dianalisis secara teknik analisis deskriptif. Menurut Chua (2006) analisis deskriptif digunakan untuk menyatakan pemboleh ubah dengan menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, sisihan piawai, median, mod, taburan normal dan skor z. Keputusan dijadualkan berdasarkan nilai skor min dan sisihan piawai. Seterusnya, bagi menentukan hubungan linear antara dua pemboleh ubah, analisis kolerasi Pearson telah dijalankan.

4.0 DAPATAN

Dapatan kajian ini menjawab bagi persoalan pertama iaitu apakah tahap prasarana bahasa Arab di SABK negeri Perak. Jadual 1 menunjukkan bahawa min keseluruhan persepsi pelajar terhadap pemboleh ubah ini ialah 3.32 dengan sisihan piawai 1.036. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa persepsi pelajar terhadap persekitaran prasarana bahasa Arab berada di tahap sederhana. Melalui analisis terperinci yang ditunjukkan dalam jadual, nilai min tertinggi ialah pada konstruk "Teknologi Maklumat" pada nilai 3.66 dengan sisihan piawai 1.281. Diikuti dengan min kedua tertinggi iaitu pada konstruk "Hal Ehwal Murid" pada nilai 3.57 dengan sisihan piawai 1.139 dan seterusnya konstruk "Infrastruktur Sekolah" pada nilai min 3.16 dengan sisihan piawai 0.597.

Sebaliknya, skor min terendah adalah pada konstruk “Bahan Bantu Mengajar” pada nilai 2.95 dengan sisihan piawai 1.125. Hal ini menunjukkan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di SABK negeri Perak adalah kurang kondusif.

Jadual 1: Persepsi pelajar terhadap persekitaran prasarana bahasa Arab.

Konstruk	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
1. Infrastruktur Sekolah	3.16	0.597	Sederhana
2. Bahan Bantu Mengajar	2.95	1.125	Sederhana
3. Hal Ehwal Murid	3.57	1.139	Tinggi
4. Teknologi Maklumat	3.66	1.281	Tinggi
Jumlah	3.32	1.036	Sederhana

Jadual 2 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi konstruk infrastruktur sekolah berada pada tahap yang sederhana. Item B1 menunjukkan skor min tertinggi pada 3.84 dengan sisihan piawai 0.848. Diikuti dengan item B2 pada skor min 3.51 dengan sisihan piawai 0.996. Kedua-dua item berada pada tahap yang tinggi. Namun, jurang yang agak ketara terlihat pada item B3 dengan nilai skor min kurang daripada 2.0 iaitu dengan hanya 1.94 dengan sisihan piawai 1.158 berada pada tahap yang paling rendah. Dapatan memperlihatkan bahawa pelajar kurang menulis surat rasmi dalam Bahasa Arab kepada pihak sekolah.

Jadual 2: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Infrastruktur Sekolah.

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
B1 terdapat banyak papan tanda berbahasa Arab di sekolah saya	3.84	0.848	Tinggi
B2 terdapat banyak iklan dalam Bahasa Arab di sekolah saya	3.51	0.996	Tinggi
B3 saya pernah menulis surat rasmi dalam Bahasa Arab kepada pihak sekolah	1.94	1.158	Rendah
B4 sekolah menganjurkan aktiviti (kem, rehlah, nadwah, klinik dll) dalam Bahasa Arab	3.36	1.379	Sederhana
Jumlah	3.16	0.597	Sederhana

Jadual 3 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi konstruk bahan bantu mengajar berada pada tahap yang sederhana. Item B5 merupakan item paling tinggi dalam konstruk ini dengan nilai skor min 3.51 dan sisihan piawai 1.042. Hal ini menunjukkan sekolah menyediakan bahan bacaan ringan dalam Bahasa Arab. Namun Item B7 dan B8 mempunyai nilai skor min yang terendah iaitu pada 2.69. Hal ini menunjukkan kurangnya akhbar/majalah berbahasa Arab di sekolah. Selain itu, kurangnya sudut bacaan bahasa Arab di dalam kelas.

Jadual 3: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Bahan Bantu Mengajar.

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
B5 sekolah menyediakan bahan bacaan ringan dalam Bahasa Arab	3.51	1.042	Tinggi
B6 saya pernah membaca akhbar/majalah Arab di sekolah	2.91	1.109	Sederhana
B7 pihak sekolah melanggan akhbar/majalah berbahasa Arab	2.69	1.047	Rendah
B8 terdapat sudut bacaan bahasa Arab di dalam kelas	2.69	1.302	Rendah
Jumlah	2.95	1.125	Sederhana

Jadual 4 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi konstruk hal ehwal murid berada pada tahap yang tinggi. Item “saya pernah mendengar pengumuman dalam Bahasa Arab” merupakan item tertinggi dengan nilai skor min yang melebihi 4.0 iaitu 4.28 dengan sisihan piawai 0.946. Bagi item terendah pula iaitu “saya pernah membuat pengumuman dalam Bahasa Arab” dengan nilai skor min 2.44 dan sisihan piawai 1.034 yang berada pada tahap yang rendah. Kebanyakan pelajar belum pernah membuat pengumuman dalam Bahasa Arab ketika perhimpunan di sekolah.

Jadual 4: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Hal Ehwal Murid.

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
B9 Bahasa Arab digunakan dalam perhimpunan mingguan	3.64	1.252	Sederhana
B10 murid diberi peluang untuk memberikan tazkirah dalam Bahasa Arab	3.91	1.054	Tinggi
B11 saya pernah mendengar pengumuman dalam Bahasa Arab	4.28	0.946	Tinggi
B12 saya pernah membuat pengumuman dalam Bahasa Arab	2.44	1.304	Rendah
Jumlah	3.57	1.139	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi konstruk teknologi maklumat berada pada tahap yang tinggi. Item B14 iaitu “terdapat buku / bahan rujukan dalam Bahasa Arab yang sesuai untuk murid melalui laman web” merupakan item tertinggi pada nilai skor min 4.28 dengan sisihan piawai 0.921. Manakala item B15 iaitu “saya pernah melayari laman web berbahasa Arab ketika pengajaran di sekolah” adalah item terendah dengan nilai skor min 3.33 dan sisihan piawai 1.383 pada tahap sederhana.

Jadual 5: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Teknologi Maklumat.

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
B13 saya pernah menonton rancangan tv/filem Arab di sekolah	3.36	1.542	Sederhana
B14 terdapat buku / bahan rujukan dalam Bahasa Arab yang sesuai untuk murid melalui laman web	4.28	0.921	Tinggi
B15 saya pernah melayari laman web berbahasa Arab ketika pengajaran di sekolah	3.33	1.383	Sederhana
Jumlah	3.66	1.281	Tinggi

Dapatan kajian ini menjawab bagi persoalan pertama iaitu apakah kekerapan pelajar dalam komunikasi bahasa Arab. Justeru, dari aspek komunikasi bahasa Arab pula tinjauan terhadap persepsi pelajar sebagaimana dalam jadual 4.6 yang menunjukkan min keseluruhan persepsi pelajar terhadap pemboleh ubah ini adalah pada tahap sederhana, iaitu min=3.12 dengan sisihan piawai 1.091 (Izani & Yahya, 2014). Seterusnya, konstruk “di dalam bilik darjah” menunjukkan nilai min 3.26 dengan sisihan piawai 1.168. Manakala, nilai min pada konstruk “di luar bilik darjah adalah 2.97 dengan sisihan piawai 1.015. Terdapat perbezaan yang ketara antara kedua konstruk “di dalam bilik darjah” dan “di luar bilik darjah”.

Jadual 6: Tahap komunikasi bahasa Arab pelajar dan Min Keseluruhan

Konstruk	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
1. Di dalam bilik darjah	3.26	1.168	Sederhana
2. Di luar bilik darjah	2.97	1.015	Sederhana
Jumlah	3.12	1.091	Sederhana

Jadual 7 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi konstruk di dalam bilik darjah berada pada tahap sederhana. Item C5 iaitu “saya pernah mendengar rakan-rakan bertanya menggunakan Bahasa Arab” merupakan item tertinggi pada nilai skor min 3.65 dengan sisihan piawai 1.182. Manakala item C6 iaitu “saya berbincang menggunakan Bahasa Arab di dalam kelas” adalah item terendah dengan nilai skor min 2.66 dan sisihan piawai 1.140 pada tahap yang rendah.

Kesemua item mempunyai nilai skor min lebih daripada 3.0 kecuali item C6 iaitu “saya berbincang menggunakan Bahasa Arab di dalam kelas”. Dapat disimpulkan bahawa konstruk di dalam bilik darjah mempunyai persekitaran komunikasi yang memberangsangkan. Walaubagaimanapun, peajar kurang berbincang menggunakan Bahasa Arab di dalam kelas.

Jadual 7: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk di Dalam Bilik Darjah.

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
C1 saya bertutur dalam Bahasa Arab di dalam kelas	3.08	1.136	Sederhana
C2 saya mendengar rakan-rakan bertutur dalam Bahasa Arab di dalam kelas	3.20	1.153	Sederhana
C3 saya menggunakan Bahasa Arab ketika pengajaran dan pembelajaran	3.40	1.177	Sederhana

C4	saya pernah bertanyakan soalan dalam Bahasa Arab di dalam kelas	3.55	1.220	Tinggi
C5	saya pernah mendengar rakan-rakan bertanya menggunakan Bahasa Arab	3.65	1.182	Tinggi
C6	saya berbincang menggunakan Bahasa Arab di dalam kelas	2.66	1.140	Rendah
	Jumlah	3.26	1.168	Sederhana

Jadual 8 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi konstruk di luar bilik darjah berada pada tahap sederhana. Item C12 iaitu “guru menggalakkan saya untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab” merupakan item tertinggi pada nilai skor min 4.18 dengan sisihan piawai 0.941. Manakala item C7 iaitu “saya berkomunikasi dengan rakan-rakan dalam Bahasa Arab di luar kelas” adalah item terendah dengan nilai skor min 2.15 dan sisihan piawai 0.906 pada tahap yang rendah.

Terdapat tiga item yang mempunyai nilai skor min bawah 2.0 iaitu pada item C7, C8 dan C10. Dapat disimpulkan bahawa kurang berlakunya komunikasi pelajar dalam Bahasa Arab di luar bilik darjah. Namun, nilai skor min C11 dan C12 lebih daripada 4.0 menunjukkan bahawa pada tahap yang tinggi. Justeru, guru berusaha membetulkan kesilapan serta menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab.

Jadual 8: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk di Luar Bilik Darjah.

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap	
C7	saya berkomunikasi dengan rakan-rakan dalam Bahasa Arab di luar kelas	2.15	0.906	Rendah
C8	saya menggunakan Bahasa Arab untuk berkomunikasi dengan guru di luar kelas	2.18	0.978	Rendah
C9	saya mendengar perbualan Bahasa Arab di sekolah	3.07	1.213	Sederhana
C10	saya berkomunikasi dengan guru dalam Bahasa Arab di luar kelas	2.18	0.941	Rendah
C11	guru membetulkan kesilapan saya ketika berkomunikasi dalam Bahasa Arab	4.05	1.112	Tinggi
C12	guru menggalakkan saya untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab	4.18	0.941	Tinggi
	Jumlah	2.97	1.015	Sederhana

Jadual 9 menunjukkan ujian kolerasi Pearson telah dilaksanakan bagi mengkaji hubungan linear antara persepsi pelajar berkaitan persekitaran prasarana bahasa Arab dengan tahap komunikasi bahasa Arab pelajar. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan nilai kolerasi Pearson $r=0.629$, $p<0.05$. Hal ini menunjukkan bahawa kolerasi hubungan antara persepsi pelajar berkaitan persekitaran prasarana bahasa Arab dengan tahap komunikasi bahasa Arab pelajar adalah sederhana kerana nilai r bagi skor 0.40 hingga 0.69 adalah sederhana (Tamuri. 2013).

Jadual 9: Hubungan Persekitaran Prasarana Bahasa Arab dengan Tahap Komunikasi Bahasa Arab Pelajar.

		Persekitaran Prasarana Bahasa Arab	Komunikasi Bahasa Arab Pelajar
Persekitaran prasarana bahasa Arab	Korelasi	1	.629**
	Pearson Sig. (2-hujung)		.000
	N	85	85
Komunikasi bahasa Arab pelajar	Korelasi	.629**	1
	Pearson Sig. (2-hujung)	.000	
	N	85	85

** . Signifikan pada aras keyakinan $p < 0.01$ (2-hujung).

5.0 PERBINCANGAN

Persepsi pelajar terhadap persekitaran pada aspek prasarana bahasa Arab berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) negeri Perak mempunyai keadaan persekitaran prasarana bahasa Arab yang kurang kondusif. Dapatan ini selari dengan kajian Mohamad Fuad Ishak et al. (2018) yang menyatakan bahawa sekolah-sekolah SABK dibelenggu kekurangan dari pelbagai sudut khususnya kelengkapan seperti makmal komputer, makmal bahasa, kelengkapan audio visual dan beberapa kemudahan lain. Prasarana bahasa Arab amat penting untuk disediakan di sekolah kerana boleh membantu guru dan murid dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa Arab.

Selain itu, kajian mendapati prasana dari aspek teknologi maklumat juga berada pada tahap sederhana dengan kata lain SABK negeri Perak kekurangan peralatan teknologi seperti komputer bagi pelajar mengakses pembelajaran bahasa Arab. Dapatan bercanggah dengan Bahagian Pendidikan Islam (2015) kerana peningkatan terhadap infrastruktur dan prasarana sekolah seperti makmal komputer dan ICT di SABK. Manakala, kajian Rahman (2008) mendapati Guru Pendidikan Islam tidak dibekalkan dengan komputer riba sebagaimana KPM membekalkannya kepada panitia Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris di sekolah. Guru mata pelajaran lain mudah mendapatkan bahan pengajaran berasaskan teknologi maklumat berbanding mata pelajaran bahasa Arab. Malahan segelintir pentadbir sekolah bertanggungjawab bahawa teknik hafalan sahajalah merupakan kaedah pengajaran bahasa Arab yang paling berkesan (Mohamad Fuad Ishak et al. 2018).

Seterusnya, dari aspek komunikasi bahasa Arab pelajar pula berada pada tahap sederhana. Komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar di luar bilik darjah berada pada tahap lebih rendah berbanding di dalam bilik darjah. Kajian Kamarulzaman et al. (2018) berbeza dengan dapatan yang menunjukkan bahawa peningkatan komunikasi bahasa Arab pelajar universiti memberi kesan positif kepada keberkesanan pembelajaran pelajar. Dapat disimpulkan bahawa, untuk merealisasikan hasrat pembudayaan persekitaran berbahasa Arab, pentadbir sekolah bertanggungjawab menyemai suasana komunikasi dalam kawasan sekolah sama ada melibatkan aktiviti dalam kelas mahupun di luar kelas.

Pemeriksaan KBD di SABK adalah sebagai pemangkin dan pengukuh kepada aktiviti komunikasi dalam persekitaran sekolah. Dapat dilihat apabila pihak sekolah berjaya mewujudkan suasana komunikasi bahasa Arab yang kondusif dalam kawasan sekolah sama ada di dalam mahupun luar bilik darjah adalah kunci kejayaan pelaksanaan KBD. Pelajar tidak akan dapat belajar secara langsung dalam mengaplikasikan bahasa Arab apabila berada di luar

kawasan sekolah. Pelajar menjadikan luar bilik darjah sebagai tempat mereka mendapatkan kemahiran berbahasa melalui pembudayaan bahasa Arab dan bukan hanya di dalam bilik darjah (Kamarulzaman et al. 2018).

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara persepsi pelajar berkaitan persekitaran prasarana bahasa Arab dengan tahap komunikasi bahasa Arab pelajar. Hasil kajian mendapati persepsi pelajar berkaitan persekitaran prasarana bahasa Arab dan tahap komunikasi bahasa Arab pelajar mempunyai hubungan yang sederhana. Oleh itu, dapatan kajian ini selari dengan kajian Che Zaid et al. (2019) bahawa persekitaran pembelajaran bahasa Arab (Bi'ah lughawiyah) yang terdiri daripada komponen psikososial dan fizikal secara positif dan signifikan mempengaruhi pencapaian pelajar.

Cadangan daripada kajian ini adalah pelbagai pihak perlu menggembleng tenaga dan usaha bagi memastikan persekitaran pembelajaran di SABK sentiasa menyokong pembelajaran murid. Selain itu, sekolah memainkan peranan penting dalam meningkatkan persekitaran pembelajaran Bahasa Arab dengan menyediakan infrastruktur atau kemudahan yang kondusif seperti dari aspek teknologi maklumat, bahan bantu mengajar dalam bahasa Arab dan sebagainya. Manakala bagi cadangan kajian lanjutan pula, disarankan agar kaedah kualitatif dapat digunakan dalam meneliti lagi hasil dapatan kajian. Dengan menggunakan kaedah kualitatif hasil kajian diperolehi dapat digunakan sebagai pembentukan dasar dalam kerajaan. Seterusnya, sampel kajian lebih luas amat disarankan kerana sampel kajian ini hanya tertumpu di dalam negeri Perak sahaja, dengan penglibatan yang lebih luas maka dapatan dapat digambarkan secara komprehensif.

6.0 PENUTUP

Kesimpulannya, penambahbaikan perlu dilaksanakan kerana kesedaran tentang kepentingan persekitaran pembelajaran Bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana. Kegagalan dalam mentransformasikan suasana persekitaran bahasa boleh mengurangkan keberhasilan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK negeri Perak. Hal ini kerana, aspek prasarana mahupun infrastruktur yang kurang kondusif amat penting untuk ditelusuri oleh pihak bertanggungjawab dalam menambahbaik serta memperbaiki kekurangan yang timbul.

7.0 RUJUKAN

- Abd Aziz, N., M. Meerah, T. S., Halim, L., & Osman, K. 2006. Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan pelajar tingkatan empat. *Jurnal Pendidikan*, 31(1), 123-141.
- Brown, H.D. 1994. *Usus ta'lim al-lughah wa ta'allumuh*. Terj. Abduh al-Rajie. Beirut: Darul Nahdhah al-Arabiyyah.
- Che Mohd Zaid, Zawawi Ismail, Mohammad Ibrahim Al Jarrah, Mohammad Rusdi Ab Majid, Mohd Ala-uddin Othman, dan 5Abdul Wahid Salleh. 2019. *Bi'Ah Lughawiyah Dan Pencapaian Pelajar Di Universiti Awam Malaysia: Peranan Sikap Pelajar Sebagai Mediator [Bi'Ah Lughawiyah and Achievement of Students At Malaysian 4(2): 70–100*.
- Cohen. J. 1998. *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. New York; NY: Routledge Academic.
- Fariah Hussain, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, M. A. L. A. L. & M. Z. J. 2020. Amalan Bahan Bantu Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini Sekolah Agama 134–145.
- Harun Baharudin & Zawawi Ismail. 2016. *Konsep dan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- HD, B. 1994. *Usus ta'lim al-lughah wa ta'allumuh* Terj. Abduh al-Rajie. Beirut: Darul Nahdhah al-Arabiyyah.

- Islam Husin et al. 2013. Persepsi Guru Terhadap Pendekatan Bahasa Arab al-Azhar yang Sesuai Dengan Keperluan Pelajar STAM di Negeri Johor. Dalam persidangan antarabangsa Pendidikan Islam. 2013. h. 219-228.
- Kamarulzaman, A. G., Ahmed Thalal, H. H., Ahmad, A. R., Mohd Aderi, C. N., Muhd Zahiri, A. M., Zawawi, I., Azmil, H., et al. 2018. Persekitaran Bahasa Arab dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 2289–8042(Special Issue): 644–656. Retrieved from http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/speciallissue2018/jsass_khas02_049_kamarul.pdf
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Education and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Mansor Daud & Kamarudin Kamel. 2003. Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum al-Azhar dan Cara Mengatasinya. Dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Fuad Ishak, Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip & Zetty Nurzuliana Rashed. 2018. Penilaian Pelaksanaan Bidang Usuluddin Dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *International Research Management & Innovation Conference* (November).
- Moh Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad & Rahmah Yahya. 2012. Model Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]* 8(1987): 867–878.
- Mohd Yusri Ibrahim. 2017. *Sembang Santai Penyelidikan*. Bandar Ilmu. Besut: Terengganu Darul Iman.
- Nazer, M. K. & M. 2017. Tinjauan Pelaksanaan Pengurusan Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kota Setar. *The Online Journal Islamic Education* Julai 2017 Vol 5, Issue 1.
- Noornajihah Jaafar & Ab. Halim Tamuri. 2013. Hubungan antara efikasi kendiri dengan kualiti guru pendidikan islam sekolah menengah kebangsaan Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1). 41–60.
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia: Negeri Sembilan.
- Rosni Samah. 2013. *Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab untuk Pelajar Bukan Arab*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya Rosli Abd Rahman. *Pembudayaan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam*. *Diages Pendidik*. Jilid 8, Bil. 2/2008 Universiti Sains Malaysia. Hal: 55-63